

**TERMA RUJUKAN**  
**JAWATANKUASA TEKNIKAL e-PEMBELAJARAN (JKTeP)**  
**INSTITUT AMINUDDIN BAKI (IAB)**

1. Tarikh Pembentangan:

**18 Julai 2022**

2. Nama Mesyuarat (Wadah Pembentangan):

**Mesyuarat Lembaga Pengajian Institut Aminuddin Baki (IAB) Bil. 3 Tahun 2022**


3. Keputusan Pengarah: Diluluskan/ Tidak Diluluskan/ Diluluskan dengan Pindaan untuk digunakan

**Diluluskan**

4. Tarikh Kuat Kuasa Penggunaan

**18 Julai 2022**

5. Tandatangan Pengarah

  
DATO' DR. HAJI TA'UDDIN BIN MOHD YUNUS  
Pengarah  
Institut Aminuddin Baki  
Kementerian Pendidikan Malaysia

6. Tarikh:

**28/7/22**

**TERMA RUJUKAN**  
**JAWATANKUASA TEKNIKAL e-PEMBELAJARAN (JKTeP)**  
**INSTITUT AMINUDDIN BAKI**  
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**1. DEFINISI**

Jawatankuasa Teknikal e-Pembelajaran (yang selepas ini disebut sebagai JKTeP), Institut Aminuddin Baki (IAB), Kementerian Pendidikan Malaysia bertujuan meningkatkan kualiti bahan dan modul e-Pembelajaran.

**2. OBJEKTIF PENUBUHAN**

- 2.1. Merancang program pembangunan kapasiti bagi menjayakan e-Pembelajaran IAB.
- 2.2. Memantau dan melapor kemajuan pelaksanaan e-Pembelajaran IAB.
- 2.3. Memantau dan memberi bimbingan kepada pembangun modul bagi menghasilkan modul e-Pembelajaran yang berkualiti tinggi.
- 2.4. Melaksanakan penilaian modul e-Pembelajaran dan e-Modul IAB dari aspek teknikal.
- 2.5. Memperaku kualiti modul e-Pembelajaran dan e-Modul IAB.

**3. PUNCA KUASA/MANDAT**

Mesyuarat Pengurusan Tertinggi IAB Bil.1/2017 bertarikh 24 Januari 2017 telah meluluskan kertas cadangan Dasar e-Pembelajaran yang merangkumi cadangan mewujudkan JKeP dan JKTeP IAB.

**4. KEAHLIAN**

- 4.1. **Pengerusi:** Ketua Pusat Pembangunan dan Pengurusan Teknologi (PPPT)
- 4.2. **Ahli:**
  - 4.2.1. Ketua-Ketua Jabatan Pusat Pembangunan dan Pengurusan

Teknologi (PPPT)

4.2.2. Semua anggota JeP

4.2.3. Wakil Jawatankuasa Teknikal Latihan dan Pembangunan (JTKLP)

4.2.4. Ketua Jabatan e-Pembelajaran IAB Cawangan

4.3. **Urusetia:** Jabatan e-Pembelajaran, IAB

## **5. BIDANG TUGAS/FUNGSI JAWATANKUASA**

- 5.1. Memperakukan modul e-Pembelajaran dan e-Modul berdasarkan rubrik penilaian modul e-Pembelajaran IAB.
- 5.2. Memperakukan dan mengesyorkan modul e-Pembelajaran dan e-Modul yang akan dilaksanakan untuk kelulusan Lembaga Pengajian IAB.

## **6. PENTADBIRAN MESYUARAT**

- 6.1. Pengerusi ialah Ketua Pusat, Pusat Pembangunan dan Pengurusan Teknologi (KP PPPT).
- 6.2. Kekerapan mesyuarat empat kali setahun dan setiap satunya dilaksanakan sebelum tarikh mesyuarat JKTL P.
- 6.3. Minit setiap mesyuarat JKTeP hendaklah diluluskan oleh KP PPPT.
- 6.4. Pembentangan kertas cadangan modul e-Pembelajaran perlu diserahkan kepada urus setia 7 hari sebelum tarikh mesyuarat.
- 6.5. Format pembentangan modul e-Pembelajaran dalam Portal e-Pembelajaran adalah berdasarkan kandungan BK 43c (e-Pembelajaran) yang diluluskan.
- 6.6. E-Modul perlu dibentangkan sebanyak dua kali iaitu:
  - (i) Pembentangan awal untuk kelulusan tajuk dan kerangka e-Modul
  - (ii) Pembentangan bahan e-Modul yang sudah siap diuji.Format pembentangan adalah berdasarkan kandungan Kerangka e-Modul IAB yang diluluskan.

## 7. URUS SETIA

7.1. Urus setia mesyuarat ialah Jabatan e-Pembelajaran.

### NOTA:

Bil.	Perkara	Diluluskan	Tarikh
1	Terma Rujukan JKTeP	Mesyuarat Pengurusan IAB	1 Jun 2017
2	Pindaan Terma Rujukan JKTeP Versi 1	Mesyuarat Lembaga Pengajian Institut Aminuddin Baki (IAB) Bil. 3 Tahun 2022	18 Julai 2022